

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN]**

**TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini sehingga 16 Ogos 2021 berkenaan penyerapan guru-guru KAFA kepada status perjawatan tetap yang telah dijanjikan sebelum ini.

**JAWAPAN**

**YB SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada hari ini amat prihatin bagi menambah baik status perjawatan Guru-guru di bawah Program Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), JAKIM. Namun beberapa proses penting perlu diteliti dan dilaksanakan terlebih dahulu secara terancang dan holistik bagi menjamin kebolehlaksanaan penambahbaikan status perjawatan tersebut. Penambahbaikan ini melibatkan aspek deskripsi tugas, penetapan jam mengajar, kelayakan guru dan keperluan ikhtisas bagi Guru KAFA serta kesesuaian premis.

2. Pada masa yang sama, Kerajaan sentiasa melaksanakan inisiatif bagi pemerkasaan Guru-guru KAFA dari aspek meningkatkan kompetensi melalui pelaksanaan Kursus Pemetaan Guru KAFA sebagai Jurulatih Daerah bagi melahirkan guru yang kompeten dalam profesion keguruan. Sehingga tahun 2021, seramai 591 orang Guru KAFA telah dilatih di bawah program ini bagi memantapkan ilmu, kemahiran pengajaran dan kemahiran teknologi serta berupaya menjadi pembimbing kepada rakan sekerja Guru KAFA yang lain. Selain itu, Guru-guru KAFA juga perlu memenuhi kelayakan ikhtisas yang merupakan elemen penting bagi memenuhi syarat dan kelayakan yang ditentukan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

3. Kerajaan juga komited dalam membela kebajikan Guru-guru KAFA. Mulai pada tahun 2020 Kerajaan melalui JAKIM telah memperuntukkan sebanyak RM6,993,000.00 bagi caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) kepada seramai 35,000 orang Guru-guru KAFA. Selain itu, melalui Peraturan-Peraturan Pelaksanaan Program KAFA Tahun 2021, JAKIM memberikan kemudahan cuti bersalin berelaun penuh kepada Guru KAFA wanita yang akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2022.

4. Justeru, bagi merealisasikan kesungguhan Kerajaan terhadap usaha tersebut, maka sesi libat urus bersama agensi/ kementerian yang berkaitan sebelum melaksanakan projek rintis Pemerkasaan KAFA sedang giat dilaksanakan.

5. Kerajaan berharap agar usaha murni untuk menaik taraf perkhidmatan Guru KAFA dapat direalisasikan dengan sokongan padu daripada semua pihak yang berkaitan termasuk Ahli-Ahli Yang Berhormat di Dewan Yang Mulia ini yang saya hormati sekalian.

Sekian, terima kasih.